## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 09 JULAI 2021

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br>11.<br>12. | MAFI SERAH KEPADA PIHAK BERKUASA, SUARA MALAYSIA, SINAR HARIAN -10<br>MAFI PRIHATIN BANTU 21,802 PENERIMA, NASIONAL, SINAR HARIAN -15<br>CHE ABDULLAH: SOMEONE WANTS TO PULL ME DOWN, NEWS, GUANG MING DAILY -A2<br>DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: SOMEONE WANTS TO DRAG ME DOWN, NATION, SIN CHEW DAILY -24<br>DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: DESTROYING TREES DOES NOT AFFECT THE PRODUCTION OF DURIANS, NATION, SIN CHEW DAILY -24<br>'ADA PIHAK CUBA JATUHKAN SAYA', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -13<br>DEPUTY AGRICULTURE MINISTER: SOMEONE WANTS TO PULL ME DOWN, NATION, CHINA PRESS -A10<br>DEPUTY MINISTER: DURIAN EXPORT NOT AFFECTED BY ILLEGALLY ORCHARD INCIDENT IN RAUB, NEWS, GUANG MING DAILY -A2<br>KEBUN DURIAN HARAM: MAFI SERAH KEPADA PIHAK BERKUASA, SINAR HARIAN - ONLINE<br>PKPD SEREMBAN: POLIS TAMBAH SJR, HARIAN METRO -ONLINE<br>ESKPORT MUSANG KING TIDAK TERJEJAS, NASIONAL, BERITA HARIAN -21<br>MUSNAH HARAM MUSANG KING TAK JEJAS PERMINTAAN EKSPORT, LOKAL, HARIAN METRO -16 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN |
| 13. | TEKNOLOGI, INOVASI, DASAR PERIKANAN PASTIKAN KELESTARIAN BEKALAN IKAN, RENCANA, BERITA HARIAN -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA |
| 14.<br><br>15.<br>16.<br>17. | DUA LELAKI LARI TINGGALKAN LORI, 38 KAMBING SELUDUP, NASIONAL, BERITA HARIAN -21<br>CABUT DALAM GELAP, LOKAL, HARIAN METRO -16<br>38 EKOR KAMBING SELUDUP BERNILAI RM38,000 DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -9<br>FOND RECOLLECTIONS OF FORMER SABAH MINISTER, HOME, BORNEO POST -6 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 09.07.2021 | SINAR HARIAN | SUARA MALAYSIA | 10 |

# MAFI serah kepada pihak berkuasa



Che Abdullah (tengah) menyampaikan replika cek untuk Bantuan Bakul Makanan di bawah Pemulih bagi empat DUN dalam Parlimen Tumpat pada Khamis.

TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan prosedur sepatutnya terhadap isu pekebun durian musang king di Raub, Pahang.

Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya tidak akan mengganggu tugas penguat kuasa dalam kes berkenaan.

"Pencerobohan hutan simpan kekal adalah isu yang sudah berlarutan dan ia tidak berkait dengan isu lain.

"Memang tidak dinafikan durian jenis ini (musang king) mendapat sambutan di luar negara dengan harga sangat baik tetapi bukan di situ (Raub) saja ladang yang ada.

"Usahawan lain juga eksport buah tersebut ke luar negara dan mereka mematuhi peraturan," katanya di sini pada Khamis.

Beliau ditemui selepas menyampaikan peruntukan RM544,000 untuk Bantuan Bakul Makanan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) bagi empat DUN dalam Parlimen Tumpat.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Tumpat itu berkata, kes berlaku di Raub tidak menjejaskan penjualan musang king di tempat lain seperti didakwa oleh sesetengah pihak.

Pada Ahad, tindakan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang menebang pokok durian musang king di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam dipersoalkan oleh netizen kerana pokok durian sedang berbuah lebat itu ditebang begitu sahaja.

Operasi memusnahkan kebun haram durian di Raub oleh agensi kerajaan negeri mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Polis Diraja Malaysia yang tertumpu di sekitar kawasan HSK Batu Talam berkeluasan kira-kira 101 hektar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 15 |

# MAFI Prihatin bantu 21,802 penerima

**KOTA BHARU** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi program MAFI Prihatin memberi bantuan kepada seramai 21,802 orang penerima terdiri daripada pasukan barisan hadapan, badan kebajikan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, ia melibatkan 82 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan penyaluran makanan sebanyak 37.51 metrik tan.

"Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) melalui MAFI Prihatin juga telah membantu seramai 425 usahawan tani.

"Fama membantu memasarkan 44 jenis hasilan pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam pemasaran semasa pelaksanaan Sekatan Pergerakan Penuh," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau turut hadir menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada 80 petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan di sini pada Rabu.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan itu adalah kesinambungan program MAFI Prihatin, bertujuan membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.



**Che Abdullah (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada wakil penerima, Pegawai Perubatan U54, Dr Nik Insusinarti Shafei di PPV, Dewan Sri Tunjong, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Kota Bharu pada Rabu.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Che Abdullah: Someone wants to pull me down | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A2 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 155 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,348 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,045 |



# 仄阿都拉：散播結婚事宜
# 有心人要拉我下馬

■仄阿都拉（右二）移交蔬果给疫苗接种中心的前线人员，以示关怀。




（道北8日讯）农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉认为，有心人散播他通过电话在泰国注册结婚一事，居心叵测，目的是要拉他下马。

他说，他本来想发表评论，但被律师劝告不要发表任何声明，并建议公众不要在不知情下作出任何猜测。

“我只能说，那些通过WhatsApp对我指控的人，背后另有动机，大概是为了让我下台。”

他是今天在道北国会议席服务中心分派“食物篮”给民众后，如是表示。

较早时，联邦政府宣布拨出30万令吉食物篮拨款给朝野国会议员，而也是道北国会议员的仄阿都拉，本身追加了14万4000令吉，用于购食物篮，以派发给有需要的人士。

会上，他也移交联邦政府在国家复苏计划下的拨款给该选区下的4个州议席，共54万4000令吉。其中，各州议席各得10万令吉，其余的则分别交给选区内70名村长，用来协助地方人民摆脱疫情所带来的困境。(BPK)

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Deputy agriculture minister: Someone wants to drag me down | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 24 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 91 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,758 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,273 |






仄阿都拉（右二）移交蔬果给疫苗接种中心的前线人员，以示关怀。

## 副農長：散播在泰結婚
# “有心人要拉我下馬”

（道北8日讯）农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉表示，有心人散播他通过电话在泰国注册结婚一事，居心叵测，目的是要拉他下马。

“我本想发表评论，但律师劝告我不要发表任何声明，并建议公众不要在不知情下，做出任何猜测。”

他在道北国会议席服务中心分派“食物篮”给民众后说，“我只能说，那些通过WhatsApp或Telegram对我作出指控的人，背后另有动机，大概是为了要我下台。”

联邦政府早前宣布拨款30万令吉给朝野国会议员派发食物篮，也是道北国会议员的仄阿都拉，本身追加14万4000令吉，用于购食物篮，派发给有需要的人士。

他也移交联邦政府在国家复苏计划下的拨款给该选区下的4个州议席，共54万4000令吉。其中，个州议席各得10万令吉，其余分别交给选区内70名村长，用于协助地方人民纾解疫情所带来的困境。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Deputy agriculture minister: Destroying trees does not affect the production of durians | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 24 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 52 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,158 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,475 |



## 副農長：仍有很多種植者
# "毀樹不影響榴槤出口"

（道北8日讯）农业及食品工业部副部长拿督从阿都拉表示，劳勿尤地爆榴梿芭风波的砍树行动，不影响榴梿需求与出口，毕竟国内还有许多榴梿种植者。

他说，上述事件并不影响其他的榴梿种植者。

"国外对猫山王榴梿的需求高，但国内并非只有劳勿种猫山王，不少榴梿园主也种植猫山王。只要符合程序，这些榴梿也可以出口。"

他在道北出席一项物资派发活动时，向媒体这么表示。

### 否认建议暂缓砍树

他也否认曾建议执法当局暂缓砍树行动，以待榴梿出果后才行动。

他认为，其言论被误解了，该部门不曾阻止有关当局针对侵占永久森林保护区的问题采取执法行动。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | `Ada pihalc cuba jatuhkan saya` | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 107,609 |
| Page No | 13 | Readership | 322,827 |
| Language | Malay | ArticleSize | 240 cm² |
| Journalist | masing-masing. | AdValue | RM 9,852 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,555 |






CHE Abdullah Mat Nawi (kiri) mengagihkan kotak makanan kepada penghulu untuk disampaikan kepada golongan memerlukan di Parlimen Tumpat, Kelantan, semalam. – UTUSAN/ROSALWANI CHE SOH

# 'Ada pihak cuba jatuhkan saya'

**TUMPAT:** Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi mendakwa rakaman video pernikahan dalam talian yang tular dalam media sosial sebagai usaha pihak tertentu untuk mengaib dan menjatuhkan dirinya.

Ahli Parlimen Tumpat itu menegaskan, beliau tidak pernah membuat pengakuan mengenai penglibatannya dalam video yang sengaja disebarkan pihak lawan dan beliau memutuskan untuk menyerahkan kes berkenaan kepada peguam.

"Mengenai isu yang tular, saya tidak membuat sebarang pengakuan malah buat masa ini, sewajarnya perkara ini ditangani secara peribadi.

"Perkara itu disebarkan oleh sebelah pihak, maka setakat ini saya serahkan kepada peguam saya untuk urusan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis penyampaian bakul makanan di Pusat Khidmat Masyarakat Tumpat, di sini semalam.

Terdahulu, tular dalam media sosial rakaman video pernikahan melalui telefon dikatakan melibatkan seorang Timbalan Menteri yang berkahwin dan menambah isteri seorang lagi secara dalam talian dengan khidmat jurunikah Thailand.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah menafikan beliau mempertahankan . pengusaha ladang Musang King di Raub, termasuk kenyataannya sebelum ini yang mencadangkan supaya menunggu buah durian di kawasan itu gugur terlebih dulu, sebelum diambil tindakan lanjut.

Menyifatkan kenyataan itu disalah tafsir, beliau berkata isu pencerobohan hutan simpan kekal adalah satu isu yang berlarutan dan pihak kementerian tidak akan menghalang pihak berkuasa menjalankan tugas masing-masing.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Deputy Agriculture Minister: Someone tries to pull me down` | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A10 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 152 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,998 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,995 |



# 副農長被指撥電泰國結婚
# "有心人要拉我下馬"

（道北8日讯）农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉指出，有心人要拉他下马，特散播他通过电话在泰国注册结婚之事。

他说，通过WhatsApp或Telegram作出对他指控的人，背后另有动机。

他促请，公众勿在不知情的情况下，作出任何猜测。

仄阿都拉昨日在道北国会议席服务中心分派"食物篮"给民众后说，其律师已经劝告他，不要发表任何声明。

较早时，联邦政府宣布拨出30万令吉食物篮拨款给朝野国会议员；也是道北国会议员的仄阿都拉，本身追加了14万4000令吉，用予购食物篮，以派发给有需要的人士。

会上，他也移交联邦政府在国家复苏计划下的拨款给该选区下的4个州议席，共54万4000令吉。




■仄阿都拉（右2）移交分派食物篮给前线人员，以示感谢他们的不辞辛劳的付出。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Deputy minister: Durian export not affected by illegal orchard incident in Raub | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A2 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 88 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,013 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,040 |



# 副農長：勞勿非法芭事件 不影響榴槤出口

（道北8日讯）谈到劳勿无地契榴梿芭风波的砍树行动，农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉表示，这并不影响榴梿需求与出口，毕竟国内还有许多榴梿种植者。

"国外对猫山王榴梿的需求高，但国内并非只有劳勿种猫山王，不少榴梿园主也种植猫山王。只要符合程序，这些榴梿也可以出口。"

他在吉兰丹道北出席一项物资派发活动时，向媒体这么表示。他也表示，他不曾建议执法当局暂缓砍树行动、以待榴梿出果后才行动。

他认为，其言论被误解了，该部门不曾阻止有关当局针对侵占永久森林保护区的问题采取执法行动。(BPK)

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

## Kebun durian haram: MAFI serah kepada pihak berkuasa




TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan prosedur sepatutnya terhadap isu pekebun durian Musang King di Raub, Pahang. Timbalan Menteri II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya tidak akan mengganggu tugas penguat kuasa dalam kes berkenaan. "Pencerobohan hutan simpan kekal adalah isu yang sudah berlarutan dan ia tidak berkait dengan isu lain. "Memang tidak dinafikan durian jenis ini (musang king) mendapat sambutan di luar negara dengan harga sangat baik tetapi bukan di situ (Raub) saja ladang yang ada. Usahawan lain juga eksport buah tersebut ke luar negara dan mereka mematuhi peraturan," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Beliau ditemui selepas menyampaikan peruntukan RM544,000 untuk Bantuan Bakul Makanan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) bagi empat DUN dalam Parlimen Tumpat.



Che Abdullah (tengah) menyampaikan replika cek untuk Bantuan Bakul Makanan di bawah parlimennya. Dalam pada itu, Ahli Parlimen Tumpat berkenaan berkata, kes berlaku di Raub tidak menjejaskan penjualan musang king di tempat lain seperti didakwa oleh sesetengah pihak. Sebelum ini Sinar Harian melaporkan 18 individu dipercayai pekebun haram durian musang king ditahan selepas melakukan provokasi ketika operasi penguatkuasaan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) di Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, pada Ahad. Dalam satu kenyataan dikeluarkan jabatan itu, penahanan dilakukan berikutan mereka memasuki kawasan hutan simpan kekal tanpa kebenaran dan membuat provokasi melampau kepada anggota jabatan terbabit. Operasi memusnahkan kebun haram durian di Raub dengan agensi kerajaan negeri mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang tertumpu di sekitar kawasan Hutan Simpan Kekal Batu Talam berkeluasan kira-kira 101 hektar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# PKPD Seremban: Polis tambah SJR



Seremban: Polis akan membuat 10 sekatan jalan raya (SJR) di sekitar daerah ini susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di sini, bermula tengah malam ini.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohd Said Ibrahim berkata, terdapat tambahan dua SJR iaitu di sempadan Rantau menghala ke Port Dickson.

"Sebelum ini kami sudah laksanakan lapan SJR dan akan menambah dua lagi bagi memastikan pergerakan orang ramai dapat dikawal sebaik mungkin sepanjang tempoh PKPD.

"Seramai 300 anggota polis termasuk tentera akan ditugaskan sepanjang PKPD ini, serta pasukan pemantau turut dipertingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan barangan keperluan harian menerusi program Op Bantu kepada beberapa penduduk yang terkesan dengan pandemik Covid-19 di Taman Permai di sini, hari ini.

Mengulas mengenai kebenaran pekebun durian merentas daerah, Mohd Said berkata, polis tiada halangan untuk membenarkan permohonan merentas daerah bagi melihat tanaman atau memasarkan produk di tempat lain.

Menurutnya, pihaknya menyedari keperluan rakyat untuk mendapatkan sumber pendapatan bagi menampung keperluan hidup harian.

"Atas faktor ekonomi kita beri kebenaran merentas daerah bukan saja kepada pekebun durian tetapi pekebun lain dengan syarat mereka ada surat kebenaran dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan," katanya.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan PKPD akan dilaksanakan di beberapa lokaliti di Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kelantan dan Sabah, selama 14 hari bermula esok.

PKPD di Negeri Sembilan membabitkan lapan mukim di Seremban iaitu Ampangan, Labu, Lenggeng, Pantai, Rantau, Rasah, Seremban serta Setul.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 09.07.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

Isu pekebun durian ceroboh hutan simpan kekal




*Che Abdullah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan peruntukan dan bakul makanan di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) di Tumpat, semalam.* (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

# Eksport Musang King tidak terjejas

## Ramai lagi pengusaha mampu penuhi permintaan

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

**Tumpat:** Isu pekebun durian Musang King di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan dan mengganggu permintaan serta eksport buah itu ke negara luar kerana masih ramai lagi individu mengusahakan tanaman berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata isu yang sedang dalam siasatan pihak berkuasa itu juga tidak menjejaskan pengusaha durian Musang King yang lain.

"Durian Musang King memang menerima banyak permintaan dari luar negara, namun bukan ladang itu (Raub) saja yang mengeluarkan, tapi ramai lagi pengusaha ladang lain.

"Ia juga boleh dieksport, malah mereka (pengusaha ladang lain) patuhi peraturan dan isu terbabit tidak menjejaskan usahawan Musang King lain," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Che Abdullah turut menafikan beliau mempertahankan pengusaha ladang Musang King di Raub, termasuk kenyataannya sebelum ini yang mencadangkan supaya menunggu buah durian di kawasan itu gugur terlebih dulu, sebelum tindakan lanjut diambil terhadap pokok durian terbabit.

"Kenyataan itu disalah faham, isu pencerobohan hutan simpan kekal adalah satu isu yang berlarutan, sekali gus kita (kementerian) tidak menghalang pihak berkuasa menjalankan tindakan lanjut.

"Tak kan kita nak halang penjawat awam menjalankan kerja sebab itu tugas masing-masing dan ia di bawah keputusan pihak berkuasa," katanya.

*BH* sebelum ini melaporkan, polis menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Raub bagi menjaga ketenteraman awam di daerah itu berikutan kekecohan membabitkan pekebun durian dan anggota penguat kuasa.

Operasi memusnahkan kebun haram durian Musang King di dalam Hutan Simpan Batu Talam bermula Ahad hingga 2 Ogos ini membabitkan pelbagai agensi kerajaan termasuk polis.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 09.07.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

## MUSNAH KEBUN HARAM MUSANG KING

# Tak jejas permintaan eksport

**Tumpat:** Isu berkaitan pekebun durian Musang King di Raub, Pahang tidak mengganggu permintaan dan eksport buah berkenaan ke negara luar kerana masih ramai individu mengusahakan tanaman itu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, isu yang sedang dalam siasatan pihak berkuasa itu juga tidak menjejaskan pengusaha durian musang king lain.

"Musang king memang banyak menerima permintaan dari luar negara, namun bukan ladang itu (Raub) sahaja yang keluarkan, tapi ramai lagi pengusaha ladang lain.

"Ia juga boleh dieksport, malah mereka (pengusaha lain) patuhi peraturan dan isu itu tidak menjejaskan usahawan musang king lain," katanya ketika sidang media di sini, semalam.

Che Abdullah menafikan beliau mempertahankan pengusaha ladang musang king di Raub termasuk kenyataannya sebelum ini yang mencadangkan supaya menunggu durian di kawasan itu gugur terlebih dahulu sebelum tindakan diambil terhadap pokok durian berkenaan.

Sambil menyatakan kenyataan itu disalah faham, beliau berkata, isu pencerobohan hutan simpan kekal adalah isu berlarutan sekali gus kementerian tidak menghalang pihak berkuasa menjalankan tindakan.

"Takkan kita nak halang penjawat awam jalankan kerja sebab itu tugas masing-masing dan ia di bawah keputusan pihak berkuasa," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | BERITA HARIAN | RENCANA | 12 |

# Teknologi, inovasi, dasar perikanan pastikan kelestarian bekalan ikan




Dekan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pasukan Bertindak Kluster Sumber Asli dan Kelestarian, Akademi Profesor Malaysia

Oleh Prof Dr Mohd Effendy Abdul Wahid
bhrencana@bh.com.my


**Inovasi** dalam perubatan seperti teleperubatan, membawa banyak kebaikan kepada doktor dan pesakit. Pesakit tidak perlu dibawa ke hadapan doktor dan pakar yang berada jauh beribu kilometer untuk mendapatkan nasihat dan rawatan.

Ia juga dapat mengalakkan ahli perubatan melawat pesakit mereka secara kerap tanpa kekangan masa dan jarak serta membolehkan pemantauan pesakit setiap ketika.

Pesakit juga tidak perlu dipindahkan ke hospital, sebaliknya dirawat di rumah dengan dijaga ahli keluarga kerana konsultasi boleh dilakukan secara televideo. Ini dapat mengelakkan masalah kekurangan katil di hospital sekiranya berlaku wabak yang pesakit memerlukan rawatan dan pemantauan sepanjang masa.

Namun, tidak semua kemajuan teknologi berinovasi membawa manfaat atau faedah kepada manusia dan alam sejagat. Contohnya, penciptaan mesin penebang pokok balak dapat menebang dalam masa cepat dan singkat amat merosakkan alam sekitar itu sendiri.

Ini kerana pokok besar selain menjadi teduhan, menghasilkan oksigen untuk keperluan hidupan di bumi. Sebatang pokok balak membesar setinggi 30 meter, memerlukan masa lebih 50 tahun.

Berapa lamakah agaknya pokok ini mengambil masa untuk tumbuh di satu kawasan seluas 100 meter persegi? Namun, teknologi digunakan untuk menebang 100 meter kawasan balak mungkin memakan masa tidak lebih seminggu.

Begitu juga dalam industri perikanan, apabila penciptaan kapal berteknologi tinggi dilengkapi peralatan penangkapan ikan berskala besar mampu meredah apa sahaja keadaan di samudera.

Peralatan sebegini mampu mengaut ikan pelbagai jenis spesies tanpa mengira saiz tetapi pada masa sama, memusnahkan dasar laut yang berada dalam laluannya. Dasar laut mempunyai hidupan seperti karang yang menjadi habitat kepada ikan dan pelbagai hidupan lain.

Sekiranya penangkapan anak ikan dibiarkan berleluasa, stok ikan negara akan terus menguncup dan saiz ikan ditangkap akan lebih kecil kerana ia tidak sempat membesar dan membiak untuk meningkatkan populasi.

Walaupun penggunaan pukat tunda ini dilarang di Zon A, B dan C1, iaitu 15 batu nautika daripada pantai dikhususkan kepada nelayan kecil seperti Akta Perikanan 1985 (Akta 317), zon ini turut dicerobohi nelayan pukat tunda yang hanya dibenarkan untuk kegiatan pukat tunda bilis dan udang sahaja.

Sememangnya teknologi pukat tunda membolehkan hasil lebih banyak diperoleh, tetapi disebabkan sifat pukat mempunyai lubang jaring kecil (kira-kira 2.5 sentimeter), anak ikan juga termasuk ke dalam pukat sewaktu digunakan.

Ikan ini kononnya ditangkap untuk memenuhi permintaan ikan baja bagi aktiviti akuakultur yang secara perlahan-lahan menyumbang kepada berkurangnya stok sumber perikanan negara. Pertambahan permintaan terhadap keperluan ikan baja ini menunjukkan peningkatan tahun demi tahun.

Melihatkan saiz stok ikan semakin kecil, terdapat kebimbangan ketara yang ia disebabkan tekanan penangkapan tinggi hasil kegiatan nelayan pukat tunda menceroboh masuk ke zon terlarang apabila mereka kurang memperolehi jumlah tangkapan disasarkan.

Ini kerana spesies ikan dan krustasea terbabit terpaksa matang lebih awal akibat tekanan penangkapan ini.

Bukti berkaitan tekanan penangkapan ini ke atas stok populasi ikan diperoleh daripada kajian dilakukan penyelidik di Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kajian akustik dijalankan menunjukkan pada 1 meter per kubik air, hanya terdapat 3 kilogram (kg) ikan dan akan berkurangan kepada 2 kg ikan pada tahun hadapan.

Justeru, kita berharap Jabatan Perikanan dapat mengambil tindakan lebih drastik dalam melegakan tekanan penangkapan ini dengan merangka polisi lebih tuntas terutama terhadap pengusaha bot pukat tunda.

Kapal peronda yang mereka gunakan pula, perlu dilengkapi peralatan yang dapat mengesan dan menjejak laluan bot pukat tunda untuk memastikan mereka mematuhi peraturan dan undang-undang dikuatkuasakan.

Dalam aspek ini, terdapat pelbagai ruang inovasi untuk memastikan sumber dan stok ikan boleh direkacipta penyelidik dalam bidang perikanan bagi menjamin kelestarian stok dan sumber perikanan negara secara berterusan.

Kaedah digunakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam menenggelamkan bot nelayan asing lucut hak mencerobohi perairan negara seperti dimulakan pihak berkuasa menjadi kaedah terbaik.

Bot tenggelam ini boleh menjadi tukun dan habitat kepada sumber spesies ikan tertentu dalam jangka sederhana dan panjang, sekali gus mampu meningkatkan kepelbagaian spesies ikan di samping meningkatkan bilangannya.

Kajian lanjut sedang dilaksanakan penyelidik UMT bersama Jabatan Perikanan Malaysia berkaitan tukun kapal ini dan kesannya kepada persekitaran marin negara.

Antara perkara boleh dilakukan untuk memberi kesedaran adalah mewujudkan Zon Penutupan kawasan laut mempunyai anak ikan untuk tempoh tertentu terutama semasa musim pembiakan spesies marin tertentu setiap tahun.

Tindakan ini dapat memberi ruang untuk membaikpulih sesuatu kawasan daripada sebarang aktiviti penangkapan berterusan. Kaedah ini diamalkan di Bangladesh dengan penangkapan ikan terubuk tidak dibenarkan selama empat bulan pada musim pembiakan ikan terbabit.

Begitu juga Amerika Syarikat (AS) menghentikan kegiatan penangkapan sewaktu musim pembiakan ikan Salmon selama dua bulan.

Kita boleh memulakan dengan memberhentikan penangkapan sotong pada musim pembiakannya pada April dan kajian masa diperlukan boleh dijalankan penyelidik universiti dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia.

Sepanjang tempoh larangan penangkapan pada musim pembiakan spesies tertentu ini dilaksanakan, kerajaan boleh mewujudkan insentif bersesuaian bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama nelayan terjejas pendapatan.

Nelayan juga boleh dididik untuk melepaskan induk di tahap matang akhir agar mereka boleh menghasilkan penggantian stok anak ikan mencukupi untuk masa hadapan. Kaedah ini juga boleh dilaksanakan menggunakan peruntukan undang-undang jika diperlukan.

Sebagai langkah pembendungan tambahan, hanya peralatan penangkapan perikanan yang sensitif terhadap kehadiran ikan bersaiz matang mengikut spesies sahaja boleh dibenar untuk digunakan pengusaha penangkapan ikan di laut.

Tindakan ini boleh dilakukan secara berhemah demi memastikan sumber dan stok perikanan negara kekal lestari daripada terjejas teruk seperti diramalkan akan berlaku pada 2030.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Dua lelaki lari tinggalkan lori, 38 kambing seludup

**Tumpat:** Dua lelaki melarikan diri dengan meninggalkan lori dinaiki dalam keadaan enjin masih hidup, sebaik menyedari kenderaan itu diekori polis, awal pagi semalam.

Pemeriksaan terhadap lori jenis Isuzu yang ditinggalkan di Kampung Jubakar pada jam 4.30 pagi itu, kemudiannya mendapati ia sarat dengan muatan 38 ekor kambing jantan disyaki diseludup bernilai RM38,000.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said, berkata kejadian berlaku ketika anggotanya melakukan rondaan Op Benteng COVID sebelum mengesan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata, anggotanya segera mengekori lori terbabit dan sebaik menyedari diekori, pemandu kenderaan itu memecut laju dan membelok ke lorong dalam Kampung Jubakar.

"Pemandu lori itu secara tiba-tiba memberhentikan kenderaannya dan kelihatan dua lelaki keluar melarikan diri dalam gelap serta meninggalkan lori yang enjinnya masih hidup.

"Anggota kami cuba mengesan dua lelaki itu tetapi gagal, sebelum pemeriksaan terhadap lori itu membawa muatan 38 kambing jantan dipercayai diseludup dari Thailand dianggarkan bernilai RM38,000," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Norzaid berkata, semua kambing itu diseludup masuk menerusi pangkalan haram sekitar Sungai Golok, dipercayai untuk pasaran sempena sambutan Aidiladha.

Katanya, selepas menunggu hampir 30 minit, tiada sesiapa tampil menuntut kambing dan lori berkenaan, sebelum pihaknya membawa balik ke Markas Operasi PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 6(3) & 36(1) Akta Binatang 1953," katanya.




*Sebahagian kambing seludup yang dirampas di Kampung Jubakar, Tumpat, semalam.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |



KAMBING seludup yang dirampas di Kampung Jubakar, semalam.



# Cabut dalam gelap

*2 lelaki panik tinggal lori dengan muatan 38 kambing seludup*

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**RM38k**
Jumlah nilai kambing seludup yang dirampas

**Tumpat**

Dua lelaki nekad meninggalkan lori muatan 38 kambing jantan dipercayai diseludup sebelum melarikan diri selepas menyedari kenderaan mereka diekori pihak berkuasa, semalam.

Pemeriksaan dalam lori Isuzu di Kampung Jubakar pada jam 4.30 pagi menemui haiwan terbabit dianggarkan bernilai RM38,000.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga, Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said berkata, ketika anggotanya melakukan rondaan dalam Op Benteng Covid-19 itu, sebuah lori dikesan dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Beliau berkata, anggota kemudian mengekori lori terbabit dan sebaik menyedari, pemandunya terus memecut serta membelok ke lorong di dalam Kampung Jubakar.

"Pemandu lori itu secara tiba-tiba memberhentikan kenderaan secara mengejut sebelum dua lelaki keluar dan melarikan diri dalam keadaan gelap serta meninggalkan lori itu.

"Anggota kami cuba mengesan dua lelaki itu di kawasan berhampiran tapi gagal.

"Pemeriksaan di dalam lori mendapati ada 38 kambing jantan yang dipercayai diseludup masuk dari Thailand yang dianggarkan bernilai RM38,000," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Norzaid berkata, semua kambing diseludup masuk menerusi pangkalan haram di Sungai Golok itu untuk pasaran sempena Aidiladha.

Menurutnya, selepas menunggu 30 minit, tiada sesiapa tampil menuntut kambing dan lori itu sebelum pihaknya membawa balik ke Markas Operasi PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 6(3) & 36(1), Akta Binatang 1953," katanya.





KAMBING yang dimuat dalam lori dipercayai diseludup dari Thailand untuk pasaran sempena Aidiladha.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 09.07.2021 | KOSMO | NEGARA | 9 |

# 38 ekor kambing seludup bernilai RM38,000 dirampas




SEBANYAK 38 ekor kambing dirampas PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor di Kampung Jubakar, Tumpat semalam. – FOTO IHSAN PPM

**TUMPAT** – Pasukan Polis Marin (PPM), Wilayah Tiga Pengkalan Kubor merampas 38 ekor kambing seludup yang dipercayai bagi persediaan Hari Raya Aidiladha di Kampung Jubakar di sini semalam.

Rampasan bernilai RM38,000 pada pukul 4.30 pagi itu dilakukan selepas anggota PPM menahan sebuah lori yang sarat membawa muatan haiwan tersebut.

Komander PPM Wilayah Tiga, Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said berkata, sepasukan anggota PPM telah mengesan sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa melakukan rondaan di kawasan itu.

Menurutnya, anggota kemudian mengekori lori tersebut, namun pemandunya telah memecut laju apabila menyedari kehadiran mereka.

"Suspek telah bertindak memberhentikan lori secara mengejut sebelum seorang pemandu dan kelindan dilihat melarikan diri bagi mengelakkan mereka ditahan.

"Anggota PPM telah mengejar kedua-dua suspek, namun gagal menjejaki pergerakan mereka," katanya di sini semalam.

Norzaid memberitahu, siasatan mendapati, lori tersebut membawa muatan sebanyak 38 ekor kambing yang dipercayai diseludup dari negara jiran.

Katanya, lori dan kambing tersebut dibawa ke Markas Operasi PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Seksyen 6(3) Akta Binatang 1953 dan Seksyen 36(1) akta sama.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fond recollections of former Sabah forester | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 09 Jul 2021 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 6 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 422 cm² |
| Journalist | Emin Madi | AdValue | RM 2,353 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 7,059 |



# Fond recollections of former Sabah forester

Emin Madi

**KOTA KINABALU:** Datuk Seri Rahim Ismail is probably one of the few Malaysian politicians who have a sound knowledge of forestry matters and are passionate about forest conservation, having served 22 years with the Sabah Forestry Department (SFD).

Even after joining Umno in 1991 and participating actively in politics, this former state Agriculture and Food Industry minister (2002 to 2007) continued his engagement with forestry affairs by taking part in forest management workshops organised by SFD in collaboration with Malaysian and international forestry agencies.

Rahim, 71, who is still active in politics, was a circle forest officer (equivalent to regional forest officer) at SFD Kota Kinabalu before he left in 1991.

In an interview with Bernama here recently, Rahim, who hails from Papar, said he had initially never considered a career in forestry but became interested in it after attending a lecture in Kota Kinabalu by a European scholar on the importance of preserving natural forests.

A year after completing his Overseas School Certificate examination in 1968, he found a job as a junior agricultural assistant with the Sabah State Agricultural Department. After eight months, he was offered a post as a forest ranger at SFD which he, of course, accepted.

Reminiscing the early days of his career, Rahim said his first posting was in Lamag, located in Kinabatangan in Sandakan division.

He took a flight from Kota Kinabalu to Sandakan to report to the SFD headquarters in Sandakan. Then, the next day he had to make his way to Lamag, which is a long and arduous 17-hour journey by boat from Sandakan.

From Sandakan harbour, he boarded an SFD-owned boat fitted with a 25-horsepower engine, known locally as jongkong, with him as the lone passenger.

The boat travelled on the sea for almost two hours to reach Kampung Memiang which is located near Kuala Kinabatangan, the estuary of Malaysia's second-longest river Sungai Kinabatangan, and then onward to Lamag in the same boat.

"The boat ride was quite slow as we had to make several stops for meals and rest. We also went past several settlement areas situated along the river, namely Sukau, Batu Putih, Tenegang Besar, Tenegang Kecil and Sungai Pìau. By the time we reached Lamag, it was already midnight," he said.

The next morning, he presented himself to the then Lamag district forest officer M.P Udarbe. After a few weeks in Lamag, he was deployed to the SFD office at Sungai Pin, situated in the upper Kinabatangan river, as a range forest officer (RFO).

As an RFO, Rahim's duties included assisting the district forest officer in the basic management of the forest, as well as monitoring the activities of one particular logging company Nabahu Sdn Bhd.

"The company was given a concession area of some 7,000 acres (about 2,833 hectares) in Bukit Kopi and Sg Koyah II (two settlement areas under the jurisdiction of the Sungai Pin forest district office), situated about eight miles (12.9 kilometres) inland in the Kinabatangan forest reserve.



Datuk Seri Rahim Ismail

"Besides Nabahu's logging activities, I was also responsible for overseeing the activities of four sawmills that got their log supplies from Nabahu and other concessionaires," he said.

Rahim said Nabahu used tractors to haul the logs from the forest where a rail-based log train – a light steam locomotive – would carry a load of four to six logs at a time to a collecting centre located 11 km away at the Kinabatangan riverside.

He said there was no issue of uncontrolled logging at that time because "extraction of logs was based on a selective system, whereby only the larger diameter logs were harvested".

Barely a week in Sungai Pin and Bukit Kopi, Rahim encountered a frightening event when a big flood swept the wooden quarters where he and several SFD staff were staying. Although there were no casualties, he lost all his possessions, including several important documents.

To enhance his knowledge and expertise in forestry, Rahim left for the Forest Research Institute and Colleges at New Forest in Dehradun, India, in October 1969 to pursue a three-year diploma course in forestry.

Upon his return to Sabah in 1972, he reported for work at the SFD headquarters in Sandakan and was given a new assignment as co-field supervisor of a statewide forest inventory project, a joint-venture initiative between the Malaysian government and Canada.

The scope of the project included identifying and enumerating forest areas in accordance with the type of forest and preparing reports on the different types of forests that were identified.

"As part of the project, we also managed to visit the Gunung Rara, Kalumpang and Maliau Basin forest reserves in Tawau district, including some mangroves reserves.

"To carry out the forest inventory works, we used various modes of transportation such as helicopter, four-wheel-drive vehicles, vessels and boat, sometimes with the involvement of private bodies. Besides maps, compasses and binoculars, we also carried guns for protection but we had permits for them," he said.

Relating an interesting impromptu jungle trekking experience whilst undertaking the forest inventory project, Rahim said he was leading a team of 24 SFD staff who were airlifted from Sandakan to a base camp inside Kinabatangan forest area, about six kilometres from Lamag.

According to Rahim, their fieldwork almost ended in misadventure due to bad weather and also because they had to cross over to a forest area in the neighbouring Pensiangan district.

"We were supposed to return to Sandakan by helicopter (after completing their fieldwork) but the landing pad at the base camp was flooded as the area was a low-lying ground located adjacent to a river. For us to go back to Sandakan on foot was totally out of the question because of the long distance.

"We identified through a map that Kampung Pandewan in Pensiangan district was the nearest settlement area so we informed SFD headquarters in Sandakan, using a very high-frequency two-way radio, about our plan to trek to Kampung Pandewan and also requested them to send transport to Pandewan to take us back to Sandakan," he said.

Since no one in the team had gone to Kampung Pandewan by way of jungle trekking, they relied on a compass and map but most of the time found themselves moving on a zigzag course and crossing mountains and rivers.

"Along the way we encountered many wildlife species, namely tembadau (a wild ox species), barking deer, lesser deer, orang utan, wild boar and snakes. While the leeches never stopped attacking us, we were also not fully confident that we would find Pandewan village.

"But we were very lucky because we managed to reach Pandewan after two days and two nights of trekking in the jungle. Not only that, we also found out that the very spot where we camped on our final night was a Murut graveyard!"

Fortunately, a van despatched by SFD was waiting for them in Kampung Pandewan but since it could not accommodate the entire team, they had to rent a second vehicle to take them all to Sandakan.

Rahim recalled that the condition of the road from Pandewan to Keningau was "simply beyond explanation".

"It was horrendous and we could feel the bumps in every corner of our body.

"After reaching Keningau, we went for a medical check at the district hospital. We rested a day in Keningau before continuing our journey to Sandakan via the Keningau-Tambunan road and then from Tambunan to Ranau and onward to Tulid, which is the gateway to Sandakan.

"The Ranau-Tulid-Sandakan road was equally tough as road constructions to connect the three districts were still in progress then," he added.

Rahim also said his stint as a range forest officer in Sungai Pin and Sungai Koyah was particularly memorable and that he has vivid memories of the crocodiles, Bornean elephants and proboscis monkeys he encountered whenever, in the course of his work, he travelled by boat along the Kinabatangan river.

"But most important of all, I want to dedicate my memories in the forestry service to the late Mohamad Kamdi Arawon @ Bukah Arawon (who was a forest ranger in Sandakan) who taught me almost everything about the forest. He also taught me how to use a compass and read maps," he added.

Rahim served at the SFD headquarters in Sandakan until he was transferred to the Keningau SFD office in 1984. In 1988, he was transferred to the SFD office in Kota Kinabalu.

Following his entry into politics in 1991, he was fielded as a Umno-BN candidate in the Buang Sayang (later known as Pantai Manis) state constituency during the 1994 Sabah state election. He won the seat and retained it for five terms. — Bernama

Powered by: isentia